



**LEMBAGA JURUKUR TANAH
SEMENANJUNG MALAYSIA
(LAND SURVEYORS BOARD)**

RUJUKAN TUAN :

RUJUKAN KAMI : LJT 6 Pt.7/(10)

NO. 2735 TINGKAT SATU
JALAN PERMATA EMPAT
TAMAN PERMATA ULU KELANG
53300 KUALA LUMPUR
Tel : 03-41085191
Fax : 03-41085178

Semua Jurukur Tanah Berlesen

Tuan,

PEKELILING LEMBAGA JURUUKUR TANAH BIL. 2/2000

**KEPERLUAN MEMOHON NOMBOR LOT DARIPADA JABATAN UKUR
DAN PEMETAAN (JUPEM) NEGERI SETELAH BAYARAN
UKUR DIPERTARUHKAN DENGAN LEMBAGA JURUUKUR TANAH (LJT)**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan menetapkan keperluan dan tempoh bagi Juruukur Tanah Berlesen (JUBL) untuk memohon nombor lot daripada JUPEM Negeri setelah pertaruhan bayaran ukur dibuat dengan Lembaga Juruukur Tanah (LJT)

2.LATAR BELAKANG

Mengikut amalan sekarang permohonan nombor lot bagi menjalankan kerja ukuran hakmilik dibuat setelah bayaran ukur dipertaruhkan dengan LJT dan seterusnya tuntutan bayaran kemajuan 10% dibuat melalui Borang LJT1.

Bagaimanapun peraturan sekarang tidak menetapkan tempoh masa bagi JUBL mengemukakan permohonan mendapatkan nombor lot daripada JUPEM Negeri. Kegagalan JUBL memohon mendapatkan nombor lot menyebabkan LJT tidak dapat memantau pelaksanaan sebilangan besar kerja-kerja yang telah dipertaruhkan bayaran ukur.

3. KEPERLUAN DAN TEMPOH PERMOHONAN


Bagi tujuan kelicinan pentadbiran dan pemantauan oleh LJT ke atas kerja-kerja JUBL serta bagi menjamin kepentingan klien, maka JUBL dikehendaki mengambil tindakan sewajarnya sepertimana berikut :

- 3.1 JUBL memohon nombor lot daripada JUPEM Negeri dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh pertaruhan bayaran ukur dibuat dengan LJT. Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan surat kelulusan permohonan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) serta lain-lain dokumen yang berkaitan.
- 3.2 Salinan surat permohonan nombor lot ini juga perlu dihantar kepada LJT melalui 'faks' untuk tujuan rekod.
- 3.2 LJT akan membuat pemantauan bagi memastikan permohonan nombor lot dipohon dalam tempoh yang ditetapkan manakala JUPEM Negeri akan mengeluarkan nombor lot dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh JUBL mengemukakan permohonan dengan syarat permohonan tersebut adalah teratur.

4. TARIKH BERKUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh pengeluarannya.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'L.' followed by a horizontal line.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH BAHASA KITA"

(HAMID BIN ALI, KMN, PMC, PJC)

Pengerusi
Lembaga Juruukur Tanah
Semenanjung Malaysia